

25 OCT 2000

Mahathir-Saudi

HUBUNGAN M'SIA-SAUDI PENDORONG KERJASAMA DI KALANGAN NEGARA ISLAM

PUTRAJAYA, 25 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin bahawa hubungan ekonomi dan perdagangan antara Malaysia dan Arab Saudi akan meningkatkan lagi hubungan dua hala dan menyumbang ke arah kerjasama rapat di kalangan negara Islam.

"Malaysia dan Arab Saudi boleh memainkan peranan penting kerana kita mewakili rantau ini sedangkan Arab Saudi mewakili dunia sebelah sana," kata beliau kepada pemberita selepas pertemuan selama 45 minit dengan Timbalan Perdana Menteri Kedua Arab Saudi Putera Sultan Abdul Aziz Al-Saud, di sini.

Sebelum itu, kedua-dua mereka menyaksikan majlis pemeteraian perjanjian jaminan pelaburan dua hala dan perjanjian mengenai penerimaan Arab Saudi kepada Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Ketika ditanya oleh seorang wartawan Saudi mengenai masa depan Malaysia berikutan krisis kewangan 1997, Dr Mahathir berkata negara telah teruk terjejas ketika itu tetapi ekonomi telah pulih sepenuhnya sekarang.

Beliau berkata Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang menggalakkan dan akan terus mencatatkan pertumbuhan.

"Mungkin ada percubaan lain untuk menyerang ekonomi kita tetapi kita berpendapat kita mampu menanganinya," kata beliau.

Perjanjian jaminan pelaburan (IGA) ditandatangani oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz bagi pihak Malaysia sementara Arab Saudi diwakili oleh Pemangku Menteri Perancangan dan Telekomunikasi negara itu, Khalid M. Al-Gosabi.

Perjanjian mengenai penerimaan Arab Saudi kepada WTO juga ditandatangani oleh Rafidah dan Menteri Negara dan Anggota Majlis Menteri, Dr Abdulaziz Al-Manea.

Objektif utama perjanjian jaminan pelaburan ialah untuk memperluas dan meningkatkan kerjasama perdagangan, ekonomi dan industri antara Kuala Lumpur dan Riyadh.

Perjanjian itu akan mempermudah lagi pelabur Arab Saudi meneroka peluang-peluang pelaburan di Malaysia seperti dala, sektor pemprosesan petroleum.

Ia juga akan menggalakkan syarikat-syarikat Malaysia menyertai peluang-peluang perniagaan di Arab Saudi terutama dalam projek-projek infrastruktur.

Sementara itu, pemeteraian perjanjian kedua mencerminkan berakhirnya rundingan akses pasaran dua hala dalam konteks penerimaan Arab Saudi kepada WTO.

Rundingan itu selesai dijalankan di Geneva pada 20 Okt tahun ini.

Di bawah perjanjian itu, Arab Saudi bersetuju untuk menawarkan pakej konsesi kepada Malaysia dalam bentuk pengikatan tarif dan pengurangan tarif bagi 318 produk eksport yang berkepentingan kepada Malaysia.

Pengurangan selanjutnya akan dilaksanakan dalam tempoh tiga hingga 10 tahun.

Produk utama eksport yang diberikan konsesi tarif termasuk minyak sawit, minyak isirong kelapa sawit, koko dan produk koko, produk pengeluaran getah, perabot dan barang kemas.

Selain konsesi ini, pengeksport Malaysia juga akan mendapat manfaat daripada penyertaan Arab Saudi dalam perjanjian teknologi maklumat yang menghendaki Riyadh memansuhkan duti ke atas produk teknologi maklumat dalam tempoh lima tahun pemberian konsesi.

Jumlah perdagangan antara Malaysia dan Arab Saudi meningkat daripada RM1.4 bilion pada 1995 kepada RM2.2 bilion pada 1999.

Eksport dari Malaysia meningkat daripada RM847 juta kepada RM1.14 bilion bagi tempoh yang sama.

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2000, jumlah perdagangan dua hala

mencapai hingga RM2.2 bilion.

Putera Sultan tiba semalam untuk lawatan lapan hari ke Malaysia atas undangan Dr Mahathir.

-- BERNAMA

MAM MAM FAZ